

15 JUL 1998

PRESIDEN ERITREA MELAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Presiden Eritrea, Isaias Afwerki akan melakukan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia mulai esok atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Afwerki, yang diiringi Menteri Pengangkutan dan Komunikasi, Salih Kekia dan lima pegawai kanan, akan diberi sambutan negara di Medan Parlimen pagi esok.

Beliau dijadual mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menurut kenyataan Kementerian Luar hari ini.

Afwerki juga akan menghadiri taklimat di Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri. Beliau juga akan melawat Pelabuhan Klang dan menara berkembar KLCC.

Lawatan itu merupakan yang pertama oleh Presiden Eritrea sejak negara di timur Afrika itu mendapat kemerdekaan daripada Habsyah pada 27 Mei 1993.

Eritrea, yang terletak antara Djibouti dan Sudan serta menghadap Laut Merah, dengan keluasan 121,320 kilometer persegi, mempunyai penduduk seramai 3.7 juta (anggaran 1994) terdiri daripada orang Islam dan penganut Kristian.

--BERNAMA

MT oba